

AI for Sustainable Future: Generative AI, ML & DL Bootcamp

Artikel oleh :

En. Syafiq

Prof. Madya Ts. Dr. Kalaivani A/P Chellappann

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama SRM Institute of Science & Technology, India, telah menganjurkan AI For Sustainable Future: Generative AI, ML & DL Bootcamp pada 28 hingga 30 Oktober 2025 bertempat di UKM. Program selama tiga hari ini merupakan inisiatif strategik bagi memperkukuh jalinan akademik dan pembangunan bakat kejuruteraan rentas sempadan melalui pendekatan pembelajaran holistik yang menggabungkan kuliah, bengkel teknikal, lawatan industri dan aktiviti kolaboratif.

Sepanjang program, para peserta didedahkan kepada pelbagai topik berkaitan teknologi terkini dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI), termasuk Generative AI untuk inovasi perisian, serta pembelajaran mesin (ML) dan pembelajaran mendalam (DL) bagi pembangunan perisian lestari. Aktiviti turut merangkumi pembentukan kumpulan dan pelaksanaan kajian kes kejuruteraan dunia sebenar yang menekankan kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran antara disiplin.

Selain sesi pembelajaran di kampus, peserta turut berpeluang menyertai lawatan industri ke Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bagi memahami aplikasi AI dalam automasi industri dan pembuatan pintar, serta ke MIMOS Berhad bagi meninjau ekosistem inovasi mampan dan perusahaan rintis (startups) berasaskan AI.

Program ini diakhiri dengan sesi pembentangan cadangan projek kumpulan, di mana peserta mempersembahkan idea perniagaan berasaskan analisis imej menggunakan AI, seperti aplikasi AI untuk pengecaman dan analisis buah-buahan bagi meningkatkan produktiviti serta pendapatan komuniti pertanian.

